

ENAKMEN KRAF-AIR PERIBADI 1998

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan tarikh mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran
3. Kelayakan
4. Pengendalian semasa dipengaruhi minuman keras atau dadah
5. Kawasan ditetapkan
6. Pengendalian secara sewenang-wenang, cuai atau berbahaya
7. Waktu pengendalian
8. Penggunaan lanyard
9. Pengubahsuaian dilarang
10. Had kelajuan
11. Tunda dilarang
12. Garispanduan keselamatan
13. Kuasa tangkap
14. Kuasa menahan, memeriksa dan menyita
15. Waran memeriksa dan menyita
16. Penalti
17. Kuasa membuat kaedah-kaedah

NEGERI SEMBILAN

ENAKMEN No.2 tahun 1998

SEBAGAI TANDA PERSETUJUAN DAN KEBENARAN
KAMI DAN UNDANG YANG EMPAT SERTA
TENGGU BESAR TAMPIN

(MOHOR KERAJAAN) TUNKU NAQUIYUDDIN

Pemangku Yang di-Pertuan Besar,

Negeri Sembilan

27 Mei 1998

Suatu Enakmen berhubungan dengan pengendalian kraf-air peribadi bagi tujuan sukan atau rekreasi dan bagi perkara-perkara yang berdampingan dengannya.

{ }

MAKA INILAH DIKANUNKAN UNDANG-UNDANG oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kraf-Air Peribadi 1998 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam Warta.
2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“ alat pelampung peribadi” termasuklah jaket keselamatan, papan lutut, pelayap akua, tiub dalam dan mana-mana peralatan keselamatan yang sama;

“Kraf-air peribadi” ertinya sebuah vessel kecil yang –

- (a) Mempunyai motor sangkut atau motor di dalamnya;
- (b) Menggunakan sama ada enjin pembakaran dalam yang menguasai pam jet atau kipas;
- (c) Direkabentuk untuk membawa satu hingga tiga orang;
- (d) Dikendalikan oleh seseorang secara duduk, berdiri atau berlutut di atas vessel itu; dan
- (e) Digunakan bagi tujuan sukan atau rekreasi;

Dan termasuklah ski jet, skuter air, propkraf dan hoverkraf,

“mengendali” ertinya penggunaan kraf-air peribadi dan termasuklah penyewaan, pemajakan atau pengupahan kraf-air peribadi, sama ada untuk keuntungan kewangan atau tidak; dan “pengendali” hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

3. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberikuasa untuk mengendali kraf-air peribadi di atas perairan pedalaman atau persisiran pantai Negeri ini melainkan jika setiap orang yang berada dia atas Kraf-air peribadi itu-

(i) memakai alat pelampung peribadi yang telah diluluskan; dan

(ii) berusia lebih daripada 16 tahun dan dalam hal di mana orang itu berusia kurang daripada 16 tahun, dia hendaklah diiringi oleh seorang dewasa.

4. Tiada seseorang pun boleh mengendali kraf-air peribadi semasa dipengaruhi minuman keras, dadah atau gabungan kedua-duanya.

5. Tiada seseorang pun boleh mengendali, memiliki atau membenarkan atau memberikuasa untuk mengendalikannya kraf-air peribadi melainkan dan hanya di kawasan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk pengendalian Kraf-air peribadi.

6. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberikuasa untuk mengendali kraf-air peribadi secara sewenang-wenang, cuai atau berbahaya sehingga membahayakan nyawa atau harta mana-mana orang, termasuklah nyawa atau harta pengendali itu.

7. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberikuasa untuk mengendali kraf-air peribadi selepas waktu matahari turun dan sebelum waktu matahari terbit.

8. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberikuasa untuk mengendali kraf-air peribadi melainkan-

(a) Kraf-air peribadi itu dilengkapi dengan lanyard yang disambung ke suis mula/berhenti kraf-air peribadi itu;

(b) Lanyard itu berfungsi; dan

(c) Lanyard itu dipasang kepada bahan pengendali itu atau kepada baju atau alat pelampung peribadi yang dipakai oleh pengendali itu.

9. Tiada seseorang pun boleh mengendali, memiliki atau membenarkan atau memberikuasa untuk mengendali kraf-air peribadi yang telah diubahsuai dengan mana-mana cara pun yang boleh-

(a) Menghalang lanyard yang disebut di seksyen 8 berfungsi mengikut cara yang dihasratkan; atau

(b) Menguatkan bunyi dari system ekzos kraf-air peribadi itu.

10. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberikuasa untuk mengendali kraf-air peribadi-

(a) Melebihi had kelajuan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;

(b) Secara dekat dengan sebuah kraf-air peribadi atau vessel yang lain sehingga menyebabkan mana-mana pengendalinya mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya mengelakkan sesuatu pelanggaran.

11. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberikuasa untuk mengendali kraf-air peribadi untuk menunda seorang yang lain melainkan kraf-air peribadi itu dilengkapi dengan cermin yang bercondong luas yang membolehkan pengendali kraf-air peribadi itu memerhatikan orang yang ditunda itu.

12. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberikuasa untuk mengendali kraf-air peribadi melainkan dan menurut garispanduan keselamatan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk penggunaan kraf-air peribadi secara teratur.

13. (1) Mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran sesiapa jua yang melakukan atau disyaki secara munasabah telah melakukan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Enakmen ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam.

14. Mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai polis boleh menahan, memeriksa dan menyita mana-mana kraf-air peribadi yang telah digunakan secara menyalahi mana-mana peruntukan Enakmen ini.

15. (1) Jika seseorang Majistret mendapati, atas maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberikuasa kepada mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang yang dinamakan dalamnya, masuk ke dalam premis itu pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau

malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan, dan di sana menggeledah dan menyita mana-mana kraf-air peribadi yang semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai perlakuan kesalahan itu.

(2) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan mana-mana kraf-air peribadi yang disita di bawah seksyen ini, pegawai atau orang yang menyita itu hendaklah, dengan apa-apa cara, menglak kraf-air peribadi itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

(3) Seseorang yang, tanpa kuasa sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (2) atau memindahkan mana-mana kraf-air peribadi yang dilak atau mencuba untuk berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan.

16. (1) Adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang memiliki kraf-air peribadi atau yang menjaga atau mengawal sesebuah kraf-air peribadi untuk membenarkan atau memberikuasa supaya kraf-air peribadi itu dikendalikan secara berlawanan dengan mana-mana peruntukan Enakmen ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan dalam kes di mana kesalahan itu berterusan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan.

17. (1) Tanpa menjejaskan kuasanya untuk membuat kaedah-kaedah di bawah mana-mana peruntukan lain dalam enakmen ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan enakmen ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan dalam subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah bagi atau berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara berikut

(a) Apa-apa perkara bagi mana kaedah-kaedah dibenarkan secara nyata dibuat di bawah enakmen ini;

(b) Garispanduan keselamatan bagi pengendalian sewajarnya kraf-air peribadi;

(c) Fungsi-fungsi pegawai yang diberikuasa;

(d) Kawasan dan had kelajuan dan perkara-perkara lain yang perlu bagi kawalselia dan kawalan pengendalian kraf-air peribadi yang teratur dan berkesan;

(e) Apa-apa perkara lain yang difikirkan suaimanfaat atau perlu oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi maksud Enakmen ini.

Diluluskan pada 1 April 1998

Setiausaha
Negeri Sembilan

SHAARI BIN SHARIMAN
Dewan Undangan Negeri